

CNS1075

R GB 14-02 00165 BA808

Bah

UMNO - Kelantan (Analisis Berita)

Oleh Saodi Mat Atar

KOTA BAHARU, 14 Feb (Bernama) -- UMNO Kelantan kini memasuki era baru apabila Presiden Parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menjadi Ketua Perhubungannya.

Ini bukan hanya setakat menamatkan pelbagai spekulasi perebutan kerusi ketua perhubungan, bahkan amat bermakna untuk memulihkan UMNO negeri yang mengalami kekalahan teruk di tangan pembangkang pada pilihan raya umum tahun lepas.

UMNO Kelantan boleh dikatakan lumpuh sejak kekalahan itu dan ia memerlukan seorang tokoh yang tidak dipertikaikan oleh sesiapa, bagi membawa perubahan radikal dalam proses pemulihan parti itu di negeri ini.

Kalangan pemerhati politik bersependapat bahawa kehadiran Perdana Menteri itu adalah tepat kerana penyusunan semula UMNO Kelantan memerlukan kuasa yang tidak akan diengkari oleh pimpinan bawahan.

Menurut mereka, UMNO Kelantan sekarang mendapat perhatian terus daripada UMNO pusat, iaitu di bawah jagaan Presiden sendiri yang sudah tentu mahu memastikan partinya mendapat pengaruh semula di negeri ini. -- Lagi.

♥14/02/11-53MST

CNS1076

R GB 14-02 00163 BA809

Bah

UMNO - Kelantan 2 Kota Baharu (Analisis)

Bagaimanapun, langkah presiden parti mengetuai perhubungan UMNO negeri Kelantan bukanlah perkara baru kerana dua orang Perdana Menteri sebelum ini iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra dan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein memegang pucuk pimpinan UMNO Kelantan.

Tunku Abdul Rahman mengetuai UMNO Negeri Kelantan pada tahun 1963 manakala Tun Razak pula mengambilalih pucuk pimpinan perhubungan UMNO negeri daripada Tan Sri Nik Ahmad Kamil pada tahun 1967.

Tetapi, kali ini suasananya agak berbeza kerana masalah yang dihadapi oleh UMNO negeri pada pilihan raya lepas lebih kompleks terutama dalam menghadapi masalah dalaman dan luaran.

Penyusunan semula UMNO Kelantan memerlukan perancangan rapi daripada peringkat bawah hingga ke peringkat pimpinan yang sebelum ini tidak upaya untuk dipikul oleh tokoh-tokoh lama.

Seorang pemimpin yang berpengalaman luas dan mempunyai kewibawaan amat diperlukan oleh UMNO Kelantan untuk berdepan dengan tindak-tanduk PAS kini yang juga mengikuti jejak langkah UMNO. -- Lagi.

♥14/02/11-54MST

R GB 14-02 00161 BA810

Bah

UMNO - Kelantan 3 Kota Baharu (Analisis)

Tidak boleh dinafikan bahawa UMNO akan menghadapi suasana yang kompleks untuk meyakinkan rakyat bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri Kelantan sekarang adalah lanjutan daripada apa yang telah dilaksanakan oleh UMNO secara beransur-ansur.

Ada juga pihak yang mengatakan bahawa ketokohan Datuk Seri Dr Mahathir diperlukan untuk mencari jalan penyelesaian mengenai isu campur tangan istana dalam politik.

Apa sekalipun, hikmah di sebaliknya ialah ia akan mengelakkan kerengangan antara golongan lama dan golongan muda dalam UMNO dan mereka akan dapat disatukan untuk menyingkirkan pengaruh pembangkang dalam kerajaan negeri campuran PAS, Semangat 46, Berjasa dan Hamim.

Sejak pilihan raya lepas hampir semua Bahagian UMNO di negeri ini seolah-olah +berpeluk tubuh+ menunggu siapakah bakal pengerusi jawatankuasa perhubungan sebelum merancang aktiviti mereka.

Beberapa orang pemimpin UMNO negeri merasa sudah tiba masanya UMNO mengorak langkah semula menemui para pengundi setelah kekalahan lebih tiga bulan lepas. -- Lagi.

♥14/02/11-55MST

R GB 14-02 00205 BA811

Bah

UMNO - Kelantan 4 Kota Baharu (Analisis)

+Saya yakin dengan UMNO mendapat tumpuan terus tanpa 'berlapis-lapis' di peringkat negeri, proses menguasai semula kerajaan negeri akan lebih cepat dicapai,+ kata anggota Majlis Tertinggi UMNO, Senator Hassan Haron.

Ada juga yang berpendapat bahawa beberapa orang tokoh lama perlu mengundurkan diri untuk memberi peluang kepada pemimpin muda membangunkan semula UMNO di negeri ini.

Tiada guna sekiranya pengerusi perhubungan merupakan seorang berwibawa tetapi pemimpin bawahan masih lagi dipegang oleh mereka yang sudah tidak +berkuku+ dalam politik, kata mereka.

Menurut mereka pemimpin lama yang sudah luntur pengaruhnya patut memberi laluan kepada barisan pelapis kerana ia bukanlah merugikan memandangkan UMNO sememangnya perlu bermula dari langkah pertamanya semula.

Perlantikan Senator Annuar Musa yang merupakan antara pemimpin muda di negeri ini sebagai timbalan pengerusi perhubungan membayangkan bahawa pemimpin pelapis perlu diberi peluang menunjukkan kebolehan.

+Barisan pelapis yang masih muda dengan bimbingan dan tunjuk ajar daripada mereka yang berpengalaman akan menjadikan UMNO negeri berwajah baru dan lebih bertenaga,+ kata seorang pemimpin politik tempatan.

Datuk Seri Dr Mahathir sendiri pun dijangka melepaskan jawatan pengerusi perhubungan UMNO Kelantan kepada pemimpin tempatan apabila segala-galanya sudah pulih dan tersusun nanti. -- Bernama.

♥14/02/11-56MST